

## 2.3.1 Isi Kandungan Kursus

### Frequency Tables 6 ( Soalan 4a – 4d)

#### Soalan 4a ( Kesesuaian tajuk dengan objektif kursus )

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	6	15.0	15.4	15.4
	4	33	82.5	84.6	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

#### Soalan 4b ( Kesesuaian isi kandungan dengan tajuk-tajuk )

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	4	10.0	10.3	10.3
	4	35	87.5	89.7	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

#### Soalan 4c ( Urutan tajuk-tajuk )

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	8	20.0	20.5	20.5
	4	31	77.5	79.5	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

#### Soalan 4d ( Kesesuaian isi kandungan dengan kerja rasmi anda di sekolah )

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	8	20.0	20.5	20.5
	4	31	77.5	79.5	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

Dari dimensi isi kandungan kursus mengikut Frequency Table 6, skor 4 untuk setaip item merekodkan antara 77.5% hingga 87.5% jika dibandingkan dengan skor 3 yang merekodkan 10%-20%. Ini jelas menunjukkan bahawa pada keseluruhannya, isi kandungan kursus ini adalah sesuai dan ada berkaitan dengan tugas-tugas mereka di sekolah. Ini juga bermakna bahawa isi kandungan kursus mengikut keperluan mentee.

### Frequency Table 7

#### Soalan 5 ( Isi kandungan kursus seimbang daripada teori dan praktikal )

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	2	37	92.5	94.9	94.9
	3	2	5.0	5.1	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

Bagi soalan 5, dikesan bahawa 92.5% mentee berpendapat, isi kandungan kursus ini seimbang daripada teori dan praktikal. Bukti integrasi teori dan praktikal boleh dilihat dalam bengkel Kajian Kes selepas sesi plenary berkaitan dengan kegunaan Model Pengurusan Diagnostik dalam Kajian Kes. Selain daripada itu, sesi *professional discourse* juga menunjukkan eviden bahawa aspek teori dan aspek praktikal ada berkaitan dalam menyelesaikan isu dan masalah sekolah yang dihadapi oleh mentee di sekolah masing-masing.

#### Soalan 6 ( Tempoh kursus )

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	1	2	5.0	5.1	5.1
	2	37	92.5	94.9	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

Dari segi tempoh kursus sebanyak 92.5% mentee menganggap tempoh kursus adalah sesuai dan mencukupi untuk menyampaikan isi kandungan yang ditetapkan dalam jadual waktu, manakala 5% lagi memohon kursus dilanjutkan ke berapa hari lagi agar lebih banyak input dapat dikongsi bersama mereka, dengan mengadakan lawatan *benchmarking* ke sekolah contoh.

**Soalan 7 a : Tajuk Yang Paling Digemari**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>BIL. PESERTA</b>
1.	The 360° Leader	18
2.	Professional Discourse	14
3.	Kajian Kes	6
4.	(semua tajuk)	2
	Jumlah	40

**Soalan 7 b : Tajuk Paling TIDAK Digemari**

- TIADA -

**Soalan 7 c : Tajuk Paling Berguna Dalam Menjalankan Tugas Rasmi**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>BIL. PESERTA</b>
1.	The 360° Leader	14
2.	Kajian Kes	13
3.	Professional Discourse	11
4.	(semua tajuk)	2
	Jumlah	40

**Soalan 7 d : Tajuk Yang Perlu Dimasukkan**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>CADANGAN</b>
1.	<i>Personal Grooming &amp; Protocol</i>	2
2.	Pengurusan Perubahan ( <i>Change Management</i> )	1
3.	Pengurusan Tekanan	3
4.	Isu Perundangan Dalam Pendidikan	2
5.	Slot Keagamaan/Kerohanian	3
6.	Kursus Perundangan Kepada Guru-guru	1
7.	Pengurusan Profesional	1
8.	<i>Blue Ocean Strategy</i>	2
9.	Pengurusan Kepimpinan Kokurikulum	1
10.	Pengurusan Kewangan	4
11.	Perkongsian Kecemerlangan Sekolah (Forum Perunding Kanan)	1
12.	<i>Balance Score Card &amp; Soft Skills</i>	1
13.	Pengurusan Konflik	1
14.	Komunikasi Berkesan	1
15.	Stail Kepimpinan	1
16.	Perancangan Strategik	1

**Soalan 7 e : Tajuk Yang Perlu Diguurkan**

**- TIADA -**

Pada keseluruhannya didapati bahawa ceramah-ceramah yang disampaikan diterima pada tahap yang amat memuaskan. Dikesan juga bahawa tidak ada tajuk yang perlu digugurkan. Implikasinya adalah mentee menerima ceramah bertajuk *The 360° Leader* sesuai untuk menambah ilmu kepimpinan mereka. Mereka juga berpendapat bahawa ceramah Plenari Kajian Kes merupakan satu

ceramah yang pratikal dan berkesan untuk menyelesaikan masalah, cabaran dan isu di sekolah.

Terdapat juga cadangan daripada mentee supaya mengadakan ceramah berdasarkan tajuk-tajuk tertentu. Setelah diteliti didapati kebanyakan tajuk yang mereka cadangkan adalah berkaitan dengan kecerdasan emosi (EQ) yang merupakan satu elemen penting dalam kepimpinan dan pengurusan sekolah masa kini. Ini bermakna mereka ingin melengkapkan diri dengan kemahiran *soft skills* tersebut dalam melaksanakan tugas sebagai pemimpin di sekolah masing-masing.

### **2.3.2 ULASAN UMUM**

Perspektif mentee mengenai kekuatan kursus menjadi dorongan kepada Perunding Kanan kerana didapati kekuatan melebihi kelemahan. Kekuatan-kekuatan yang dinyatakan oleh mentee adalah berkaitan dengan methodologi latihan, keyakinan dan kredibiliti Perunding Kanan, tajuk dan isi kandungan yang sesuai serta relevan.

Pandangan-pandangan positif daripada mentee direkodkan seperti berikut :

#### **Soalan 11 a : Kekuatan Kursus**

1. Penceramah yang berhemah tinggi, humility, amat relevan dan memberangsangkan.
2. Sesi Professional Discourse memberi peluang peserta berinteraksi dan berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam menangani isu di sekolah.
3. Penceramah bercakap berdasarkan pengalaman sendiri.

4. Tenaga pengajar berkualiti, pengurusan kursus cemerlang, pemilihan tajuk yang tepat dan sesuai dengan sasaran.
5. Penceramah yang sangat baik, mesra dan pemilihan tajuk yang sesuai.
6. Memberi input ke arah pengurusan sekolah yang berkesan.
7. Ia amat menarik, jelas dan menyeronokkan. Panduan yang diberikan dapat membuka minda kami dan memantapkan lagi karier kami.
8. Isi kandungan yang ringkas tapi relevan. Perunding Kanan yang sentiasa berada di sisi untuk membantu dengan kepelbagaian pengalaman. Kelihatan keikhlasan daripada mereka.
9. Menambah ilmu dan pengalaman daripada Perunding Kanan dan peserta.
10. Berkesan, penyayang, profesional dan cemerlang.
11. Bermanfaat, menyeronokkan.
12. Amat memberansangkan.
13. Fasilitator adalah dari kalangan Pengetua Kanan (DG54) dan Pengetua Cemerlang (Jusa C) yang sangat berpengalaman dan komited dalam kerja.
14. Tenaga kerja yang berpengalaman.
15. Peserta yang terdiri daripada *multi-level manager*.

16. Pengetahuan dan kemahiran sedia ada peserta dan fasilitator.
17. Semua Perunding Kanan menunjukkan komitmen yang tinggi dengan tugas.
18. Peserta dapat berinteraksi dan bertukar fikiran dengan Perunding Kanan.
19. Penceramah berwibawa, isi kandungan bersesuaian, objektif tercapai.
20. Penceramah-penceramah adalah dari kalangan Pengetua Cemerlang dan sangat berpengalaman.
21. Mentor yang cemerlang.
22. Tenaga pengajar mempunyai pengalaman yang terbukti berjaya dan telah mendapat pengiktirafan dunia pendidikan di Malaysia.
23. Perunding Kanan yang berwibawa.
24. Pakar Perunding Kanan memang hebat, banyak idea bernas, cepat, tepat, jelas, membantu, ceria, peramah dan mesra kepada peserta.
25. Dapat berinteraksi di kalangan peserta dan Perunding Kanan dari pelbagai negeri.
26. Memberi input 'first hand' kepada para peserta.
27. Dapat melihat hubungan teori-teori dan model agar dapat diamalkan dalam pentadbiran dan pengurusan di sekolah saya.

28. Maklumat cukup jelas, semua Perunding Kanan memberi ceramah/bengkel dengan baik. Perunding Kanan mempunyai ilmu yang luas, perihatin, penyayang dan membantu. Teruskan program ini.
29. Mesra pelanggan, kaedah andragogy digunakan. Model *Refleksi Learning* oleh M.Wallace dijadikan asas *training*.
30. Amat memuaskan.
31. Percambahan idea yang lahir dari peserta kursus dan para Perunding Kanan menerusi pengalaman masing-masing.
32. Penyampaian penceramah memuaskan dan tempoh kursus amat sesuai.
33. Semua Perunding Kanan dapat menjalankan sesi dengan cemerlang.
34. Membina kemahiran pentadbir sekolah “soft skills” untuk menguruskan sekolah, khasnya dalam sumber manusia.
35. Kursus ini mendatangkan faedah kepada peserta yang hadir kerana kami dapat berkenalan, berkongsi idea dan pengalaman untuk penambahbaikan pengurusan sekolah.
36. Sangat bagus dan memuaskan.
37. Semua Perunding Kanan amat mesra, bersedia membantu dan cukup pengalaman.

38. Penceramah sangat berpengalaman memberi keyakinan kepada mentee.
39. Berupaya menyemai keyakinan sepenuhnya kepada PK dalam pengurusan sekolah.
40. Mentor yang berpengalaman memberi keyakinan kepada mentee.
41. Impak kepada keyakinan yang tinggi untuk menguruskan kes warga sekolah.

**Soalan 11 b : Kelemahan Kursus**

Didapati hanya seramai 9 daripada 40 orang mentee mengemukakan kelemahan kursus dari segi masa dan kekurangan aktiviti luar kelas seperti lawatan *benchmarking* ke sekolah contoh. Kelemahan kursus dari perspektif mentee diterima sebagai maklumbalas yang bernilai kepada Perunding Kanan untuk menambahbaik kursus pada masa akan datang. Apa yang dikesan disenaraikan dalam grid berikut :

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>BIL. CADANGAN</b>
1.	Masa untuk tajuk agak pendek	1
2.	Tiada riadah.	1
3.	Peruntukan masa mungkin boleh difikirkan.	1
4.	Tiada acara lawatan	2
5.	Masa kursus yang terlalu singkat	2
6.	Tiada sesi kerohanian berkaitan kepimpinan	1
7.	Tiada agenda di luar kelas	1
	Jumlah	9

Walaupun ada kelemahan pada pandangan mentee, namun 34 daripada 40 orang (85%) daripada mereka meletakkan kualiti kursus sebagai cemerlang (skor 4), manakala 6 orang lagi (15%) meletakkan prestasi kursus pada tahap baik (skor 3). Ini boleh dirujuk kepada Soalan 12.

**Soalan 12 : Kualiti keseluruhan Kursus**

SKOR	KUALITI KURSUS	BIL. PESERTA
1	Kurang baik	0
2	Sederhana	0
3	Baik	6
4	Cemerlang	34
	Jumlah	40

**Soalan 13 : Cadangan yang boleh meningkatkan lagi mutu kursus ini**

Cadangan-cadangan untuk meningkatkan kursus pada masa depan juga disenaraikan oleh mentee seperti berikut :

BIL.	PERKARA	BIL. CADANGAN
1.	Tajuk-tajuk boleh ditambah	1
2.	Tambahan hari – seminggu	2
3.	Adakan lawatan <i>benchmarking</i> ke sekolah cemerlang berdekatan	11
4.	Nota dalam Bahasa Malaysia agar lebih faham	1
5.	Dapat dibuat dua kali setahun	1

BIL.	PERKARA	BIL. CADANGAN
6.	Perunding Kanan dapat menyediakan contoh-contoh kertas kerja dan modul-modul yang membawa kejayaan untuk dijadikan bahan rujukan kepada kami.	1
7.	Diberi juga kursus-kursus seperti ini kepada guru-guru <i>middle leaders</i> juga.	1
8.	Kursus ini perlu diteruskan dan diadakan pada awal tahun, pertengahan tahun dan akhir tahun bagi memantapkan sekolah.	1
9.	Perluaskan ke level pengurusan yang lain	1
10.	Rekreasi	1
11.	Adakan lagi untuk tahun depan – cadangan tempat ialah Negeri Sabah	1
12.	Adakan lebih banyak sesi <i>Professional Discourse</i> dan kajian kes	1
13.	Menubuhkan blog “Program Konsultasi IAB” untuk diakses sekolah terbabit dan sekolah-sekolah lain	1
14.	Adakan siri kedua untuk yang tajuk-tajuk lain pula	1
15.	Adakan lawatan untuk peserta	1
16.	Mewujudkan laman web	1
17.	Membentangkan hasil projek sekolah yang telah diputuskan bersama dengan Perunding Kanan masing-masing.	1
18.	Sumbangan dari peserta perlu dipertingkatkan	1
19.	Penyediaan bahan bacaan/rujukan yang relevan dengan tajuk yang disampaikan	1
20.	Perlu sentiasa diadakan untuk pengetua/guru besar dan PK1	1
21.	Para peserta didedahkan lebih awal tentang sesi ceramah	1
22.	Ditiadakan sesi malam. Perlu masa untuk membuat bacaan.	1

### 2.3.3 TENAGA PENGAJAR

#### Frequency Tables 7 (soalan 8a - 8g)

##### Soalan 8a ( Penyediaan bahan/nota pengajaran yang bermutu )

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	11	27.5	28.2	28.2
	4	28	70.0	71.8	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

##### Soalan 8b ( Penggunaan alat pengajaran )

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	2	1	2.5	2.6	2.6
	3	18	45.0	46.2	48.7
	4	20	50.0	51.3	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

##### Soalan 8c (Penerangan Konsep dengan jelas)

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	9	22.5	23.1	23.1
	4	30	75.0	76.9	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

##### Soalan 8d ( Penggunaan aras bahasa yang mudah difahami)

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	2	2	5.0	5.1	5.1
	3	10	25.0	25.6	30.8
	4	27	67.5	69.2	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

**Soalan 8e ( Pewujudan suasana positif untuk pembelajaran )**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	7	17.5	17.9	17.9
	4	32	80.0	82.1	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

**Soalan 8f ( Kepekaan terhadap soalan-soalan peserta )**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	8	20.0	20.5	20.5
	4	31	77.5	79.5	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

**Soalan 8g ( Kebolehan memberi jawapan yang sempurna)**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	5	12.5	12.8	12.8
	4	34	85.0	87.2	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

Dari *Frequency Table 7* bagi soalan 8b dikesan bahawa ada seorang mentee berpandapat bahawa penggunaan alat pengajaran tidak berkesan sementara seramai 38 orang mentee menganggap penggunaan pembentangan dalam *power point* adalah berkesan dengan merekodkan skor 3 (25%) dan skor 4 (50%). Bagi item-item yang lain, dikesan frequency skor adalah tinggi antara 3 dan 4. Ini adalah satu indikator bahawa Perunding Kanan berkesan dalam aspek penyediaan bahan/nota pengajaran yang bermutu, penggunaan alat pengajaran, penerangan konsep yang jelas dengan penggunaan aras bahasa yang mudah difahami. Perunding Kanan mewujudkan suasana pembelajaran yang positif

serta peka terhadap soalan-soalan peserta dan mempunyai kebolehan untuk memberi jawapan yang tepat dan lengkap. Kebolehan tersebut menunjukkan keyakinan Perunding Kanan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan sekolah.

## Frequency Tables 7 ( Soalan 9 a - 9 d iv )

### 2.3.4 KEMUDAHAN

#### Soalan 9 a i (Bilik Kuliah – Kebersihan)

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	10	25.0	25.6	25.6
	4	29	72.5	74.4	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

#### Soalan 9 a ii (Keselesaan)

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	13	32.5	32.5	32.5
	4	27	67.5	67.5	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

#### Soalan 9 a iii (Kemudahan Mengajar)

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	13	32.5	32.5	32.5
	4	27	67.5	67.5	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

#### Soalan 9 b i (Bilik Bengkel - kebersihan)

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	8	20.0	20.0	20.0
	4	32	80.0	80.0	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

**Soalan 9 b ii (Keselesaian)**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	2	1	2.5	2.5	2.5
	3	12	30.0	30.0	32.5
	4	27	67.5	67.5	100.0
Total		40	100.0	100.0	

**Soalan 9 b iii (Kemudahan)**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	16	40.0	40.0	40.0
	4	24	60.0	60.0	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

**Soalan 9 c i (Bilik Penginapan – Kebersihan)**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	12	30.0	30.0	30.0
	4	28	70.0	70.0	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

**Soalan 9 c ii (Keselesaian)**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	14	35.0	35.0	35.0
	4	26	65.0	65.0	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

**Soalan 9 c iii (Kemudahan)**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	15	37.5	37.5	37.5
	4	25	62.5	62.5	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

**Soalan 9 d i (Dewan Makan- Kebersihan)**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	7	17.5	17.9	17.9
	4	32	80.0	82.1	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

**Soalan 9 d ii (Menu Harian)**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	13	32.5	33.3	33.3
	4	26	65.0	66.7	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

**Soalan 9 d iii (Kualiti Makanan)**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	12	30.0	31.6	31.6
	4	26	65.0	68.4	100.0
	Total	38	95.0	100.0	
Missing	System	2	5.0		
Total		40	100.0		

**Soalan 9 d iv (Layanan yang diberi)**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	17	42.5	43.6	43.6
	4	22	55.0	56.4	100.0
	Total	39	97.5	100.0	
Missing	System	1	2.5		
Total		40	100.0		

Didapati seorang mentee tidak menjawab soalan di seksyen ini, manakala 39 orang yang lain berpuas hati dengan kebersihan, keselesaan dan kemudahan yang disediakan sepanjang kursus dijalankan. *Frequency* skor yang diberi untuk

setiap item adalah tinggi iaitu antara 3 dan 4. Ini bermakna kebajikan seperti makanan dan keselesaan mentee dijaga dengan amat memuaskan. Di samping itu, dikesan juga Concorde Inn mewujudkan satu suasana yang kondusif untuk pelaksanaan kursus. Perkhidmatan dan hospitaliti Concorde Inn dipuji.

## Frequency 8 ( Kualiti Keseluruhan Kursus )

### Soalan 12 ( Kualiti keseluruhan kursus )

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	3	6	15.0	15.0	15.0
	4	34	85.0	85.0	100.0
	Total	40	100.0	100.0	

Dari segi kualiti keseluruhan kursus didapati 85% mentee memberi skor 4 (Cemerlang) berbanding dengan 15% yang memberikan skor 3 (Baik). Ini adalah satu indikator yang jelas bahawa objektif-objektif kursus telah dicapai dengan jayanya. Ini juga bermakna kursus ini telah mendatangkan banyak faedah dari segi ilmu, idea, pengalaman dan motivasi kepada mereka sebagai pemimpin sekolah. Memandangkan kursus ini berjaya dengan cemerlang, ia membawa satu implikasi bahawa Perunding Kanan sesungguhnya telah bertungkus lumus untuk memastikan imej dan nama baik IAB dapat diharumkan sebagai pusat menjana kecemerlangan dalam latihan kepimpinan institusi sekolah.

## 2.4 REFLEKSI MENTOR

Dikesan kursus ini telah mencapai semua objektif yang ditetapkan. Persediaan dan pengurusan kursus ini merupakan satu pengalaman yang agak mencabar memandangkan semua Perunding Kanan berada di negeri yang berlainan dan berjauhan antara satu sama lain. Walaubagaimanapun, pengalaman, sikap positif dan semangat kolaborasi bekerja sepasukan membolehkan Perunding

Kanan mengelola kursus dengan jayanya. E-komunikasi merupakan satu alat yang begitu berkesan untuk kami berbincang dan membuat keputusan secara kolektif tentang pelaksanaan kursus. E-pengalaman dalam menyediakan kursus bersama tersebut adalah satu indikator bahawa sekiranya kita bersikap positif, menerima ahli pasukan sebagai sahabat tanpa syarat dan bukan sebagai *competitor*, kita boleh mencapai segala-galanya dengan izin Allah/Tuhan.



**GAMBAR 11 : Pn Hj Khuzaimah binti Sulaiman (Pengurus Kursus) memberi ucapan dalam Majlis Penutup Kursus Pengukuhan Kepimpinan Sekolah**

Berdasarkan refleksi kami, kehadiran Y. Bhg. Dr Khair bin Mohamad Yusof, Pengarah IAB merupakan satu suntikan motivasi bukan hanya kepada mentee tetapi juga kepada Perunding Kanan. Kesudian beliau mendengar ceramah *The 360° Leader* bersama dengan mentee-mentee telah menunjukkan sikap positif beliau dalam *reverse mentoring* dan ini ada kaitannya dengan sifat kerendahan diri (*humility*) yang telah disebut oleh Collins (2002) dan Maxwell (2006) sebagai satu aspek kepimpinan yang amat terpuji.



**GAMBAR 12 : Pengarah IAB bersama Perunding Kanan dan Pensyarah IAB menikmati makan tengahari di Melting Pot Cafe, Concorde Inn, KLIA**

Penglibatan dan sokongan daripada pensyarah-pensyarah IAB dalam menyumbang idea dan perkongsian pengalaman dalam sesi *Professional Discourse* dan Bengkel Kajian Kes amat dialu-alukan dan amat dihargai.



**GAMBAR 13 : Sumbangan idea dan pengalaman oleh Pn Hj. Zaleha binti Onn (Pensyarah IAB) bersama mentee-mentee semasa Gallery Walk**

Didapati *collegiality* antara Perunding Kanan dengan mentee, dan juga mentee dengan mentee wujud serta merta mulai aktiviti suaikenal yang dijalankan oleh seorang mentee. Dikesan juga sepanjang masa kursus dijalankan mentee-mentee menunjukkan *high energy level* dalam tumpuan dan minat belajar. Ini terbukti melalui perhatian, tumpuan dan minat yang mereka berikan sepanjang sesi ceramah, sesi plenari, *professional discouse* dan bengkel. Lebih menggembirakan adalah kehadiran mentee direkodkan 100% dengan menepati masa mengikut jadual kursus. Minat mentee ini menunjukkan sikap positif mereka terhadap keinginan untuk meningkatkan tahap profesionalisme secara berterusan. Sikap positif mereka juga merupakan ciri kepimpinan yang dipuji.

Semua program dapat dijalankan dengan jayanya kerana ia merupakan *a well thoughtout program* di mana semua aktiviti berpusatkan mentee supaya mereka dapat melibatkan diri secara aktif dan bermakna. Kami telah menggunakan satu daripada *Thinking Caps* (Dr Edward De Bono) iaitu CAF (*Consider All Factors*) dalam perancangan kursus ini supaya ia mendatangkankan manfaat kepada mentee. Integrasi antara teori dan amalan, kepimpinan dan pengurusan sekolah *authentic* dapat dikongsi bersama dengan mentee. Sesi seperti *Professional Discourse : Sharing of Best Practices* membuka minda mentee tentang isu sebenar di sekolah dan cara menyelesaikan cabaran dengan berkesan. Ini adalah selaras dengan apa yang disebut oleh Senge (2006) bahawa *the most powerful learning comes from direct experience*.



**GAMBAR 14** : En. Tee Pak Leong menpengurusikan Sesi *Professional Discourse : Sharing of Best Practices*

Walaupun kursus telah dijalankan dengan berkesan, namun masih ada ruang untuk peningkatan. Untuk kursus yang akan datang, kami berharap lawatan penanda arasan dapat diadakan ke sekolah contoh, di samping mengambil kira syor-syor yang dikemukakan oleh mentee untuk penambahbaikan.

Secara keseluruhannya Perunding Kanan merasa amat bangga dapat menjalankan kursus ini kerana mentee didapati *responsive* untuk meningkatkan ilmu dan pengalaman mereka dalam kepimpinan dan pengurusan sekolah. Sokongan yang diberikan sepanjang kursus ini oleh Pengarah dan pensyarah-pensyarah IAB serta Pekerja Khidmat Singkat (PKS) amat dihargai. Kerjasama dan kolaborasi antara keempat-empat Perunding Kanan dalam menjayakan kursus ini bermakna bahawa kami adalah *completing each other and not competing against each other* (Maxwell, 2006). Sikap profesional dan kematangan kami dalam melaksanakan tugas menunjukkan bahawa Perunding Kanan telah mengamalkan prinsip Kepimpinan 360°.



**GAMBAR 15 : Pn. Hjh. Wan Karimah binti Wan Yaacob mengendalikan Sesi Refleksi Kursus Pengukuhan Kempimpinan Sekolah**

### 3.0 RUMUSAN

Daripada refleksi mentee dan data yang diperolehi daripada Borang Penilaian BK9 dan BK 10 didapati kualiti pengurusan dan pelaksanaan kursus adalah pada tahap yang cemerlang. Ini bermakna objektif kursus dicapai dengan berkesan kerana mentee merasa amat berpuas hati dari segi pengukuhan ilmu dan pengalaman mereka sebagai pemimpin sekolah. Oleh kerana kaedah latihan ini dalam bentuk *participant-centred dan activity-based*, semua mentee dapat menyertai kursus secara aktif dalam suasana yang mesra. Harapan mereka, kursus seperti ini dapat dijalankan lagi pada masa akan datang dengan mengambil kira syor-syor mereka seperti ceramah berdasarkan tajuk yang mereka cadangkan, mengadakan lawatan penanda arasan ke sekolah contoh, tambah bilangan hari kursus dan lain-lain.

Pihak Perunding Kanan merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengarah, pensyarah-pensyarah, staf IAB dan Pekerja Khidmat Singkat (PKS) atas kerjasama dan sokongan dalam bersama-sama menjayakan Kursus Pengukuhan Kepimpinan Sekolah Siri 1 ini. Bagi Pekerja Khidmat Singkat yang memainkan peranan sebagai Urusetia, mereka menganggap peluang ini sebagai satu pengalaman pembelajaran yang amat bernilai dan mereka berharap kesempatan seperti ini akan diberi lagi kepada mereka pada masa akan datang.



**GAMBAR 16 : Empat orang PKS yang sama-sama menjayakan kursus**

Yang terakhir tetapi tidak bermakna tidak penting ialah ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua mentee yang telah melibatkan diri secara aktif dan positif sepanjang masa kursus dijalankan. Kami berdoa agar motivasi dan semangat mereka akan terus kekal ke arah kecemerlangan diri mereka sendiri dan juga sekolah yang mereka pimpin.